

## **PERJANJIAN**

### **ANTARA KERAJAAN SOVIET UNION DAN KERAJAAN AMERIKA MENGENAI KERJASAMA DALAM KAJIAN LAUTAN DUNIA**

Kerajaan Soviet dan Amerika menyedari tentang perlu kajian Lautan Dunia bagi kegunaan keamanan dan juga umat manusia.

Mengkaji untuk mendapat maklumat yang lebih lengkap dan penggunaan Lautan Dunia yang lebih rational oleh semua negara melalui kerjasama antarabangsa yang luas dalam penyiasatan ilmu alam lautan dan penyelidikan.

Menyedari kemampuan dan sumber-sumber kedua negara bagi kajian Lautan Dunia dan sejarah-sejarah kejayaan kerjasama antara mereka.

Berhasrat untuk mengadakan usaha bersama dalam menjalankan kajian Lautan Dunia dengan lebih lanjut dan menggunakan hasil kajian bagi faedah rakyat kedua negara dan umat manusia seluruhnya, dan

sejajar dengan perjanjian antara Kerajaan Soviet dan Amerika mengenai kerjasama dalam bidang sains dan teknologi pada 24 Mei, 1972 dan sejajar dengan perjanjian mengenai pertukaran dan kerjasama dalam Sains, Teknik, Pelajaran, Kebudayaan dan lain-lain bidang pada 11 April, 1972 dan melindungi kekotoran pada 23 Mei, 1972.

Bersetuju sebagai berikut :

#### **ARTIKEL 1**

Kedua pihak akan memaju dan melaksanakan kerjasama

dalam kajian Lautan Dunia menurut asas persamaan bagi faedah bersama.

## ARTIKEL 2

Dalam kajian mereka terhadap Lautan Dunia Kedua Pihak akan menjalankan usaha kerjasama dalam penyiasatan dan penyelesaian terhadap asas penting dan menggunakan masalah penyelidikan. Bagi permulaan kerjasama akan dilaksanakan sebagai berikut :

(a) Kajian lautan secara menyeluruh, termasuk kajian makmal, percubaan lautan dan contoh ilmu alam sistem cuaca lautan.

(b) Arus lautan dan lain-lain soalan mengenai keadaan lautan.

(c) Kimia alam dan kimia lautan bagi lautan-lautan dunia.

(d) Penyiasatan galian Lautan Dunia termasuk galian dasar lautan bagi kegunaan sains.

(e) Pengeluaran kehidupan Lautan Dunia dan Kimia hayat serta hasil-hasil lautan.

(f) Menyelaraskan alat dan kaedah grapik lautan.

Lain-lain kerjasama boleh ditambah dengan persetujuan bersama.

## ARTIKEL 3

Kerjasama boleh dijalankan dalam perkara-perkara yang di atas; dan juga sebagai berikut :

(a) Perancangan bersama, memaju dan melaksanakan projek dan rancangan-rancangan penyelidikan.

(b) Bertukar-tukar ahli sains, pakar dan penuntut-penuntut tingkatan tinggi.

(c) Bertukar-tukar maklumat sains dan teknik dan pengalaman termasuk hasil-hasil kajian lautan.

(d) Mengadakan persidangan dan seminar bersama bagi pakar-pakar.

(e) Penyertaan sewajarnya oleh kedua negara bagi kerja-

sama kedua pihak yang ditajakan oleh pertubuhan-pertubuhan sains antarabangsa.

(f) Sejajar dengan undang-undang dan peraturan dan perjanjian-perjanjian kedua pihak boleh menggunakan kemudahan pelabuhan kedua negara bagi perkhidmatan perkapalan dan pembekalan, termasuk peruntukan bagi persinggahan dan pertukaran kakitangan perkapalan untuk tujuan melaksanakan kegiatan kerjasama itu.

Lain-lain kerjasama boleh ditambah dengan persetujuan bersama.

#### **ARTIKEL 4**

Untuk memenuhi tujuan perjanjian ini seterusnya, pihak-pihak hendaklah menggalakkan memberi kemudahan dan mengesan kemajuan kerjasama dan mengadakan hubungan terus antara agensi-agensi, pertubuhan dan syarikat-syarikat kedua negara, termasuk mengada dan melaksanakan perjanjian bagi projek-projek dan rancangan yang tertentu di bawah perjanjian ini.

#### **ARTIKEL 5**

1. Bagi melaksanakan perjanjian ini hendaklah ditubuhkan Jawatankuasa Bersama USSR-AS mengenai kerjasama dalam kajian Lautan Dunia. Jawatankuasa Bersama ini hendaklah mengadakan pertemuan, menurut peraturan setahun sekali iaitu bergilir-gilir di Soviet dan Amerika, kecuali persetujuan lain dicapai.

2. Jawatankuasa Bersama hendaklah mengambil tindakan perlu bagi memberi kesan terhadap pelaksanaan perjanjian ini termasuk tidak menghad, meluluskan projek-projek dan rancangan-rancangan tertentu; perlantikan agensi-agensi dan pertubuhan tertentu bagi bertanggungjawab melaksanakan kegiatan kerjasama dan membuat syor-syor menurut perjanjian itu.

3. Tiap-tiap pihak hendaklah melantik pegawai-pegawai masing-masing untuk bertanggungjawab melaksanakan perjanjian ini. Dalam tempoh perjumpaan-perjumpaan antara Jawatankuasa Bersama, Pegawai-pegawai tersebut hendaklah mengekalkan hubungan satu sama lain dan lain-lain

penyelarasan dan penyeliaan bagi kemajuan dan pelaksanaan kegiatan kerjasama yang diselenggarakan di bawah perjanjian itu.

### **ARTIKEL 6**

Perjanjian ini tidak boleh ditafsirkan yang membawa perasangka terhadap lain-lain perjanjian antara kedua pihak atau commit pihak lain dalam rancangan kajian lautan antarabangsa.

### **ARTIKEL 7**

Tiap-tiap pihak dengan persetujuan lain pihak boleh mengundang negara ketiga menyertai kegiatan kerjasama di bawah perjanjian ini.

### **ARTIKEL 8**

1. Perjanjian ini dikuatkuasakan selepas ditandatangani dan berjalan selama lima tahun, ia boleh diperbaiki atau dilanjutkan tempoh menurut persetujuan kedua pihak.

2. Pemansuhan perjanjian ini tidak terlibat pengesahan pelaksanaan perjanjian-perjanjian yang dibuat di bawah perjanjian antara agensi, pertubuhan dan syarikat-syarikat kedua negara.

Dibuat di Washington pada 19hb. Jun, 1973 dalam dua salinan dalam dua bahasa iaitu Russia dan Inggeris yang mempunyai persamaan erti.

**Bagi Kerajaan  
Kesatuan Republik  
Sosialis Soviet  
A. GROMYKO**

**Bagi Kerajaan  
Amerika Syarikat  
WILLIAM P. ROGERS**